A

Nurul Islam lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45SO-12–06 TAHUN 2016
ABU BAKAR KATAR PK
9 JUN 2016

C *Prosedur Jenayah — Hukuman — Rayuan terhadap hukuman — Perayu dipertuduh dengan tiga pertuduhan menyeludup migran di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 — Perayu mengaku bersalah — Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun — Sama ada hukuman berlebihan — Akta Antipemerdagangan Orang dan*
D *Antipenyeludupan Migran 2007 s 26A*

Perayu telah dipertuduh dengan tiga tuduhan menyeludup migran di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta'). Berdasarkan fakta kes, semua migran yang terlibat diserahkan kepada
E perayu sebaik sahaja mereka tiba di Malaysia dan migran-migran tersebut ditempatkan di dalam khemah di Bukit Genting Perah, Padang Besar, Perlis. Perayu telah mengarahkan migran-migran untuk menghubungi ahli keluarga di Bangladesh dan meminta wang sebanyak 200,000 Bangladesh Taka untuk membebaskan mereka daripada kem tahanan. Perayu juga telah bertindak
F memukul migran-migran yang terlibat dalam usahanya untuk mendapatkan wang tersebut daripada ahli keluarga mereka. Perayu kemudian telah ditahan oleh Jabatan Imigresen Malaysia di dalam sebuah rumah tidak bernombor di Pasir Mas, Kelantan. Perayu telah mengaku bersalah di atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut.

G

Diputuskan, menjatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara ke atas perayu bermula dari tarikh tangkap:

(1) Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa diskaun
H bukannya secara automatik akan diberikan apabila tertuduh mengaku salah. Dalam kes ini, mahkamah telah memberikan diskaun kepada perayu dalam menjatuhkan hukuman dengan mengambil kira pengakuan bersalah perayu sebaik sahaja kesnya disebut di mahkamah (lihat perenggan 19–20).

I (2) Dalam menjatuhkan hukuman ke atas perayu, mahkamah telah menimbangkan kepentingan awam, peranan penting perayu dalam melakukan kesalahan ini, keseriusan kesalahan ini yang boleh mengancam keselamatan negara dan trend penghukuman. Selain itu berdasarkan keterangan impak mangsa, mangsa migran yang terlibat

melalui detik-detik yang mencemaskan semasa berada dalam jagaan perayu. Perayu telah bertindak diluar perikemanusiaan apabila bertindak secara agresif dan meminta wang dibayar. Berdasarkan alasan-alasan tersebut, hukuman penjara selama sepuluh tahun mulai tarikh tangkap adalah tidak berlebihan (lihat perenggan 21, 23, 29–31, 34 & 36).

[English summary

The appellant was charged with three counts of smuggling migrants, an offence under s 26A of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 ('the Act'). Based on the facts of the case, the migrants in question we handed to the appellant right after they arrived in Malaysia and the migrants were placed in a camp at Bukit Genting Perah, Padang Besar, Perlis. The appellant ordered the migrants to contact their family members in Bangladesh and asked for money in the amount of 200,000 Bangladesh Taka to free them from the camp. The appellants also hit the migrants in the attempt to gain the money from their family members. The appellant was then apprehended by the Malaysian Immigration Department at an unnumbered house in Pasir Mas, Kelantan. The appellant pleaded guilty to the charges.

Held, sentencing the appellant to ten years' imprisonment from date of arrest:

(1) It is trite that discounts are not automatically given when an accused pleads guilty. In this case, the court had given discount to the appellant in sentencing him, taking into account his plea of guilty immediately when the case was mentioned in court (see paras 19–20).

(2) In sentencing the appellant, the court took into consideration public interest, the role which the appellant played in committing the crime, the seriousness of the offence which could breach the safety of the country and the sentencing trend. In addition to that, based on the impact of the victims' evidence, the migrant victims went through panic moments while under the appellants' control. The appellant was inhumane when they acted aggressively and asked for the money. Based on these reasons, a term of imprisonment of ten years was not excessive (see paras 21, 23, 29–31, 34 & 36).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 3991–4108.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Karim v Regina [1954] 1 MLJ 86; [1954] 1 LNS 3 (diikut)
Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572, MR (dirujuk)

A *Chor Phaik Har v Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 345; [1994] 4 CLJ 285, MP (dirujuk)
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167; [1987] CLJ Rep 209; [1987] 2 CLJ 405, MP (dirujuk)
Mohamed Jusoh bin Abdullah and another v PP [1947] 1 MLJ 130; [1947] 1
B LNS 66 (diikut)
Ong Lai Kim v PP and other appeals [1991] 3 MLJ 111; [1991] 2 CLJ 1568, MT (diikut)
PP v Shahrul Azuwan bin Adanan & Anor [2013] 8 MLJ 70; [2013] 2 CLJ 686, MT (diikut)
C *Sivarasa Rasiah v Badan Peguam Malaysia & Anor* [2010] 2 MLJ 333; [2010] 3 CLJ 507, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Prosedur Jenayah s 183A, 183A(1)
D Akta Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 s 26A
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 Jadual Pertama

Afzainizam Abdul Aziz (Mohamad Abazafree bin Mohd Abbas dan Nadia bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak
E *plaintif.*
Pihak responden mewakili diri sendiri.

Abu Bakar Katar PK:

F PENGENALAN

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar atas tiga pertuduhan menyeludup migran di bawah s 26A Akta Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta itu').

G

[2] Perayu mengaku bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan dan mahkamah ini menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun mulai tarikh tangkap iaitu 2 Mei 2016. Mahkamah ini selanjutnya memerintahkan hukuman penjara bagi ketiga-tiga pertuduhan berjalan serentak.

H

[3] Perayu yang terkilan dengan hukuman mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia atas hukuman.

LATAR BELAKANG KES

I

[4] Pertuduhan telah dibacakan secara berasingan melalui bantuan jurubahasa Bangladesh kepada perayu. Perayu telah memahami pertuduhan yang dibacakan dan mengaku bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan. Perayu juga telah faham akibat dan sifat pengakuannya.

[5] Pendakwaan telah membentangkan fakta kes bagi setiap pertuduhan sebagaimana eksh P3A, B dan C. Secara ringaksnya fakta kes mendedahkan penglibatan perayu ke atas migran yang terlibat iaitu Mohamad Nurbasya (warganegara Bangladesh) (pertuduhan pertama), Delwar (warganegara Bangladesh) (pertuduhan kedua) dan Joy (warganegara Bangladesh) (pertuduhan ketiga).

[6] Pendakwaan telah mengemukakan fakta kes secara terperinci *modus operandi* bagaimana penyeludupan migran itu dilakukan secara terancang. Mangsa penyeludupan yang terlibat ditempatkan dalam khemah di Bukit Genting Perah, Wang Kelian, Kaki Bukit, dalam Daerah Padang Besar, Negeri Perlis.

[7] Semua migran yang terlibat sebaik tiba di Malaysia diserahkan kepada perayu. Perayu telah merekodkan jumlah migran yang berada dalam khemah dengan membuat tandaan di atas tapak tangan setiap migran yang diseludup.

[8] Perayu turut mencatatkan nombor telefon dan butiran diri setiap migran sebelum ditempatkan dalam khemah. Perayu telah mengawal khemah dan memberi makanan dan minuman kepada migran yang diseludup. Perayu juga memberi ubat-ubatan kepada migran yang sakit.

[9] Setiap migran yang hendak keluar ke tandas dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada perayu atau lain-lain penjaga kem. Perayu turut merekodkan nama setiap migran yang diseludup dan setiap bayaran yang telah dibuat oleh ahli keluarga migran yang diseludup dalam buku log kecil warna merah.

[10] Sebaik wang dimasukkan ke dalam akaun Maybank dan Islamic Bank Bangladesh, migran yang diseludup akan dibebaskan dan dibawa oleh agen penyeludupan migran warganegara Thailand ke Malaysia melalui jalan yang tidak sah.

[11] Perayu telah mengarahkan migran yang terlibat dalam ketiga-tiga pertuduhan untuk menghubungi ahli keluarga di Bangladesh dan meminta wang sebanyak 200,000 Bangladesh Taka untuk membebaskan daripada kem tahanan. Perayu telah bertindak memukul migran yang terlibat dalam usahanya untuk mendapatkan wang tersebut daripada ahli keluarga migran. Perayu berbuat demikian agar bunyi pukulan didengari oleh ahli keluarga di Bangladesh dan mempercayai migran berada dalam keadaan kesusahan. Bagi migran Mohamad Nurbasya telah menghubungi bapa mertuanya. Sebaliknya bagi migran Delwar telah menghubungi bapanya dan Joy telah menghubungi ibunya.

[12] Selepas migran yang terlibat mengalami kepahitan dan kesusahan hidup dalam khemah yang diawasi oleh perayu, akhirnya pada 3 Mei 2015, jam 4 pagi migran yang terlibat dalam pertuduhan bersama migran yang lainnya telah melarikan diri menuruni Bukit Genting Perah apabila perkhemahan ini diserbu oleh pihak polis.

[13] Pada 3 Mei 2015, jam 4 petang di kawasan Pos Simpang Lima Felcra, Kaki Bukit Perlis, Perlis semua migran yang terlibat telah berjaya diberkas oleh pihak polis. Sebaliknya perayu telah ditangkap oleh Jabatan Imigresen, Malaysia pada 8 Oktober 2015 dalam sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Kubang Panjang Hulu, Lemal, Pasir Mas, Kelantan.

[14] Fakta kes telah pun dibacakan dan diterangkan melalui bantuan jurubahasa Bangladesh, perayu mengakui kebenaran fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan. Mahkamah telah memberi peluang kepada perayu untuk mengemukakan mitigasi peringanan hukuman. Mahkamah ini telah memberi ruang kepada timbalan pendakwa raya untuk berhujah atas hukuman.

[15] Mahkamah ini telah menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun mulai tarikh tangkap atas setiap pertuduhan. Mahkamah ini selanjutnya memerintahkan hukuman penjara yang dijatuhkan berjalan serentak bagi ketiga-tiga pertuduhan.

ALASAN-ALASAN PENGHUKUMAN

[16] Mahkamah ini telah menimbangkan mitigasi peringanan hukuman yang dikemukakan oleh perayu dan juga hujahan yang dibentangkan oleh TPR yang terpelajar. Mahkamah telah menimbangkan faktor-faktor atau alasan-alasan berikut dalam menjatuhkan hukuman ke atas perayu.

[17] Mahkamah ini ingin berkongsi pandangan dan dalam nada yang sama dengan Brown Acting CJ dalam kes *Abdul Karim v Regina* [1954] 1 MLJ 86; [1954] 1 LNS 3 di halaman yang sama menyatakan:

> In the matter of punishment, the 'type of offence' is the concern of the Legislature, which has provided the maximum punishment which can be inflicted for a serious offence of that type. The particular offence, and the particular offender, are the concern of the court, whose business it is to decide what punishment is merited upon the facts of the individual case within the limits which the Legislature has provided. Any tendency to standardise punishment for any type of offence is to be deplored because it means that the individual offender is being punished not upon the facts of his particular case but because he has committed an offence of that type.

[18] Mahkamah ini sedar hukuman bagi kesalahan di bawah s 26A Akta itu ialah penjara tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga dikenakan denda atau kedua-duanya. Mahkamah ini mengambil pendekatan yang sama dalam kes *Abdul Karim*, Parlimen telah pun menetapkan hukuman maksima bagi kesalahan dibawah s 26A Akta itu dan ia perlu ditimbangkan berdasarkan fakta sesuatu kes.

[19] Mahkamah ini dalam menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun telah mengambil kira pengakuan bersalah perayu merupakan salah satu faktor mitigasi. Mahkamah ini sedar prinsip undang-undang yang mantap, pengakuan bersalah bukannya secara automatik akan diberikan apabila tertuduh mengaku bersalah. Pandangan ini ada dizahirkan dalam kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572 dimana Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya menyatakan:

> [2] One of the principles in sentencing is that a convicted person should be given a discount for pleading guilty. A reduction of about one third of the sentence that would otherwise have been imposed is normally given. This, however, is not a strict rule and the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount. The severity of the offence or the existence of a previous conviction may outweigh the mitigating effect of the guilty plea; so may the demands of public interest for a deterrent sentence as well as the absence of a good defence or of other mitigating factors. The guilty plea does not automatically entitle the convict to a lesser punishment.

[20] Mahkamah ini telah memberikan diskaun kepada perayu dalam menjatuhkan hukuman dengan mengambil kira pengakuan bersalah oleh perayu sebaik kesnya disebut di mahkamah ini.

[21] Mahkamah ini turut menimbangkan kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman ke atas perayu. TPR yang terpelajar dalam hujahannya menyeru mahkamah ini menjatuhkan hukuman yang berbentuk deteran kepada perayu dan orang awam daripada melakukan kesalahan seumpama ini pada masa-masa hadapan.

[22] Mahkamah ini bersetuju dan berkongsi pandangan dengan YA Zakaria Yatim H (pada ketika itu) dalam kes *Ong Lai Kim v Public Prosecutor and other appeals* [1991] 3 MLJ 111; [1991] 2 CLJ 1568 menyatakan:

> The punishment must not only deter the appellants from committing a similar offence in the future but it must also deter others from committing such an offence.

[23] Mahkamah ini juga menimbangkan peranan yang dimainkan oleh perayu dalam melakukan kesalahan ini. Mahkamah ini berpendapat daripada fakta kes yang dibentangkan oleh pendakwaan, perayu memainkan peranan yang penting bagi melakukan kesalahan di bawah s 26A Akta ini. Perayu telah

bertindak sebagai penjaga kem atas migran yang diseludup dan bertindak secara aktif sehingga migran menghubungi ahli keluarga untuk mendapatkan wang bayaran 200,000 Bangladesh Taka.

[24] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan Willan CJ dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah and another v Public Prosecutor* [1947] 1 MLJ 130; [1947] 1 LNS 66, di ms 131 menyatakan:

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of each individual case. In that respect we would draw attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set out in *Halsbury's Laws of England* (Hailsham Edition) Vol 9, para 365:
>
> > The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, *the degree of deliberation shown by the offender* , the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the antecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character. (Penekanan ditambah.)

[25] Mahkamah ini turut menimbangkan kesalahan di bawah s 26A Akta itu telah pun dimasukkan dalam Jadual Pertama dan tergolong dalam kesalahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('Akta 2012').

[26] Mahkamah ini berpendapat elok sekiranya dirujuk 'Hansard' bagi mengetahui niat Parlimen semasa mengubal sesuatu perundangan. Pendekatan yang sama telah diikuti dalam kes *Sivarasa Rasiah v Badan Peguam Malaysia & Anor* [2010] 2 MLJ 333; [2010] 3 CLJ 507 dimana telah merujuk kes *Chor Phaik Har v Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 345; [1994] 4 CLJ 285 sebelum memutuskan:

> A careful examination of the reasons behind the enactment as revealed in the speech of the Minister for Law and Attorney General as reported in *Hansard* when introducing s 46A in Bill form to Parliament is to keep the Bar Council free from political influence. It is now settled that resort to Hansard may be legitimately had as a guide to interpreting an Act of Parliament.

[27] Mahkamah ini merujuk 'Hansard' semasa Akta 2012 dibahaskan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga. Mahkamah ini ingin memetik kata-kata Datuk Dr Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri yang menyatakan:

> ... Dengan perkembangan dunia tanpa sempadan, Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan migran adalah merupa satu sindiket yang menjadi ancaman baru terhadap keselamatan negara.

[28] YB Timbalan Menteri meneruskan perbahasannya dengan menyatakan:

> Ini kerana negara kita masa ini dijadikan negara transit sebelum migran ini diseludup masuk ke negara destinasi. Scenario ini menyebabkan negara kita diletakkan di tier dua watch list dalam US Report on Trafficking In Persons selama tiga tahun, 2010 dan 2012 berturut-turut. Sehubungan dengan itu, kesalahan-kesalahan berkaitan anti penyeludupan migran dibawah bahagian 3A iaitu seksyen 26A, 26B, 26C, 26D, 26E, 26F, 26G, 26H, 26I, 26J dan 26K Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) yang mana memperuntukan membantu menyediakan kemudahan, menyediakan perkhidmatan, menyembunyi, merekrut, menyokong kesalahan bagi maksud penyeludupan migran atau migran di seludup dalam transit bersesuaian dokumen diri dan pemalsuan dokumen diri dan perjalanan adalah merupa satu kesalahan.

[29] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar iaitu kesalahan yang dilakukan oleh perayu merupakan kesalahan yang serius dan boleh mengancam keselamatan negara. Mahkamah ini berpendapat hukuman penjara sepuluh tahun bagi setiap pertuduhan ianya tidak berlebihan.

[30] Mahkamah ini turut menimbangkan trend penghukuman yang melibatkan kesalahan di bawah s 26A Akta itu. Mahkamah ini merujuk kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167; [1987] CLJ Rep 209; [1987] 2 CLJ 405 di ms 170 (MLJ); 214 (CLJ) yang memutuskan:

> In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts inthe commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors and fourthly, *the sentences that have been imposedinthe past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.* The fact that a sentence of imprisonment is imposed as deterrence does not justify the court in passing a sentence of greater length than what the facts of the offence warrant ...

[31] Mahkamah ini turut menimbangkan keterangan impak mangsa (P6A–C) yang diberikan selaras dengan peruntukan s 183A(1) Kanun itu sebelum menjatuhkan hukuman. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 183A Kanun itu sebagaimana berikut:

> s 183A(1) Before the Court passes sentence according to law under section 183, the Court shall, upon the request of the victim of the offence or the victim's family, call upon the victim or a member of the victim's family to make a statement on the impact of the offence on the victim or his family.
>
> (2) Where the victim or a member of the victim's family is for any reason unable to attend the proceedings after being called by the Court under subsection (1), the Court may at its discretion admit a written statement of the victim or a member of the victim's family.

[32] Mahkamah ini bersetuju dan berkongsi pandangan dengan YA Abdul Rahman Sebli H (pada ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Shahrul Azuwan bin Adanan & Anor* [2013] 8 MLJ 70; [2013] 2 CLJ 686 ada menyentuh tujuan s 183A KPJ itu digubal oleh Parlimen sebagaimana berikut:

> [15] It is comforting to note that the Criminal Procedure Code ('the CPC') has recently been amended by adding a new s 183A which came into force on 1 June 2012 and which allows for the victim's impact statement to be taken into consideration before the court passes sentence. This will give the court a sense of what the victim or his family went through as a result of the offender's transgressions into their private lives and to pass the appropriate sentence accordingly. Parliament in its wisdom had deemed it fit to insert this provision under Chapter XX of the CPC which deals with trials before the High Court but in my view the provision is meant for all courts as the word 'court' is defined by s 2(1) of the CPCto mean the High Court, a sessions court, or a magistrates court of any class. Indeed it is in the lower courts that impact statements are most needed, given the type of cases that go before these courts.

[33] Mahkamah ini sekadar mengambil contoh pernyataan impak mangsa 'Delwar' (P6 B) yang menyatakan:

> ... Saya tidak rasa gembira lagi walaupun diberitahu Nurul Boss (perayu) sudah dituduh di mahkamah, kerana dia pun pasal saya sudah tahan lama disini dan saya mahu balik pun tidak boleh. Saya harap Nurul Boss cepat dihukum dan masuk penjara, saya pun boleh balik untuk membantu dan menjaga keluarga saya yang susah, sebab ibu bapa saya telah pun tua.

[34] Mahkamah ini berpendapat mangsa migran yang terlibat melalui detik-detik yang mencemaskan semasa berada dalam jagaan perayu. Kehidupan dalam kem tahanan yang begitu memeritkan kehidupan mangsa migran sepanjang berada dalam kawalan atau jagaan perayu. Perayu telah bertindak diluar keperimanusiaan apabila bertindak secara agresif dan meminta wang dibayar.

[35] Mahkamah ini telah memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak kerana ianya berpunca daripada transaksi yang sama melibatkan perayu.

KESIMPULAN

[36] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini berpendapat hukuman penjara sepuluh tahun mulai tarikh tangkap tidak berlebihan. Mahkamah ini telah pun mengikuti prinsip-prinsip penghukuman yang telah pun diputuskan oleh nas-nas duluan.

Perayu dijatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara bermula dari tarikh tangkap.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar